



قجابه قربندهارآن نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am	: 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri	: 09-7485348
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	: 09-7436429
Bendahari Negeri	: 09-7483484
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidma Pengurusan)	: 09-7441024
Fax No	: 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my	
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my	

Rujukan. : PKN.A.1/9-2/Jld.2(46)
Bertarikh : 15 Rabiulakhir 1434H
26 Februari 2013

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 3/2013

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YB/YBhg . Dato'/ Tuan/ Puan,

KONTRAK SISTEM PANEL BAGI MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJITERIMA PERALATAN KOMPUTER KEPADA SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DI SELURUH KELANTAN BAGI TAHUN 2013/2014

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Negeri (PKPN) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan perolehan melalui Sistem Panel untuk membekal, memasang dan mengujiterima peralatan komputer di semua Jabatan Kerajaan Negeri seluruh Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perolehan bagi peralatan komputer sebagaimana di Jadual I hendaklah dibuat melalui syarikat panel pembekal yang dilantik, mengikut kaedah perolehan yang ditetapkan diperenggan lima (5).

kontrak pusat2012/Komputer/SPekeiling/DIRA

2.2. Perlantikan syarikat panel pembekal tersebut adalah berdasarkan kepada kriteria:

- (i) Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan 210101 (Personal Komputer & Related Peripheral & Seviles) sehingga tempoh Kontrak Sistem Panel.

3. TEMPOH KONTRAK

3.1. Perolehan secara sistem panel ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun berkuatkuasa mulai **26 Februari 2013 hingga 25 Februari 2014.**

4. SYARIKAT PANEL PEMBEKAL

4.1. Bagi perolehan di atas, Perbendaharaan Negeri Kelantan telah bersetuju melantik syarikat-syarikat panel seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No. Telefon/No. Faks
1.	AMCC IT SOUQ CENTER (KT-0238685-X)	Lot 29, Tingkat 2, KB Mall Jalan Hamzah, 15050 Kota Bharu KELANTAN No. Telefon : 09-7647767 No. Fax : 09-7476981
2.	Trio Services (Co. no KT0281303-D)	No 3.04 Tingkat 3, KB Cyber Plaza 15050 Kota Bharu KELANTAN No. Telefon : 019-9792829 No. Fax : 09-7438919

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No. Telefon/No. Faks
3.	XP Resources (KT0160645-P)	No 1.09 Tingkat 1, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah, 15050 Kota Bharu KELANTAN No. Telefon : 09-7431403, 012-9083561 No. Fax : 09-7431403
4.	Damar System Intergrator Sdn.Bhd (437562-M),	Lot 1546 Bt. 1 ¾ , Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu, Kelantan. No. Telefon: 09-7477620/7477630 No. Fax: 09-7477592
5.	D NASA ENTERPRISE (KT 0234854-D)	Lot 824 – B, Taman Koperatif Jalan Long Yunus 15200 KOTA BHARU Kelantan No. Telefon: 09-7414848 No Fax: 097414844
6.	Crystal Timur Computer Sdn. Bhd. (456998-M)	PT. 537, Wisma Crystal 15050 Kota Bharu KELANTAN No. Telefon: 09-7433103/04 No Fax: 097433105
7.	East Computech System Sdn. Bhd. (563007-K)	Lot 250-253, Seksyen 20, Jalan Kuala Krai, 15150 Kota Bharu, KELANTAN. No. Telefon: 09-7479603/09-7473001 No Fax: 097479604

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No. Telefon/No. Faks
8.	Monaliza & Mastura Enterprise Sdn. Bhd. (229171-W)	PT 2303, Jalan Abdul Kadir Adabi/Jalan Hospital 15300 KOTA BHARU KELANTAN No. Telefon: 09-7419232 No Fax: 09-7419234
9.	K.R.S Engineering Sdn. Bhd. (6072020-K)	Pt 542, Bangunan Perniagaan Peringat Jalan Pasir Puteh, 16400 KOTA BHARU, Kelantan No. Telefon: 012-9621142/ 013-9950411 No Fax: 09-7733530

- 4.2. Syarikat Panel pembekal adalah diwajibkan mengemukakan laporan ke Perbendaharaan Negeri menggunakan format laporan seperti di **Lampiran A**, untuk setiap 3 bulan sebelum 15 hb. bulan berikutnya. Kegagalan Syarikat Panel mengemukakan laporan tersebut akan menjejaskan peluang penyelarasan sebagai Panel pembekal pada masa hadapan.

5. KAEDAH PEROLEHAN

5.1. Tatacara perolehan di atas ditetapkan seperti berikut:-

- i. Perolehan bernilai sehingga RM50,000 setahun diuruskan secara pembelian terus hanya dengan mana-mana panel pembekal yang dilantik;
- ii. Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan panel pembekal yang dilantik. Pemilihan panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi; dan

- iii. Perolehan melebihi RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui sebut harga di kalangan panel pembekal yang dilantik. Pemilihan panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.
- 5.2. Semua Jabatan Kerajaan Negeri dikehendaki mematuhi kaedah pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.4/2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil.3/2009.
- 5.3. Semua pembelian Aset yang tidak mengira had nilai hendaklah dipohon kelulusan bertulis daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum membuat pesanan/pembelian daripada panel pembekal. Permohonan mestilah disertakan dengan senarai sebutharga daripada mana-mana panel pembekal yang disenaraikan di perenggan empat (4).

6. ITEM DAN HAD HARGA PERALATAN KOMPUTER

- 6.1. Item peralatan dan harga siling bagi pembelian setiap unit peralatan komputer di bawah Sistem Panel adalah sebagaimana berikut:-

JADUAL I

Bil.	Peralatan	Harga siling/Maksimum (RM)	Spesifikasi Minimum
1.	Komputer meja (Desktop)	1,799.00	Lampiran I
2.	Komputer riba	1,859.00	Lampiran II
3.	Pencetak warna	128.00	Lampiran III
4.	Pencetak hitam putih	345.00	Lampiran IV
5.	Pencetak pelbagai guna	250.00	Lampiran V

7. MODEL PERALATAN KOMPUTER

- 7.1. Model/jenama bagi setiap item komputer di perkara enam (6) adalah bebas dan keluaran baru serta mestilah tertakluk kepada siling harga yang dinyatakan di para enam (6) di atas.

8. SPESIFIKASI MINIMUM PERALATAN KOMPUTER

- 8.1. Spesifikasi peralatan komputer yang dipohon dan dibekalkan oleh mana-mana panel pembekal kepada jabatan mestilah sama atau melebihi spesifikasi minimum yang ditetapkan sebagaimana di Lampiran I hingga V.

9 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 9.1. Adalah menjadi kewajipan Pegawai Pengawal /Ketua Jabatan memastikan agensi mematuhi peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan.

10. HAL-HAL LAIN

- 10.1 Jabatan/Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi pembekal yang kurang memuaskan (jika ada) ke Perbendaharaan Negeri.
- 10.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai pekeliling ini, jabatan/agensi boleh menghubungi Perbendaharaan Negeri, Bahagian Perolehan & Aset Kerajaan, Blok 4 Tingkat 2 Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan atau di talian telefon 09 – 7481957 (samb: 4207, 4206).

11. KUATKUASA

- 11.1 Jenis/kategori item komputer yang tidak dinyatakan di Jadual I di atas adalah tidak tertakluk kepada Pekeliling ini.
- 11.2 Pembelian peralatan komputer sebagaimana di jadual I selain daripada panel pembekal adalah tidak dibenarkan sama sekali melainkan dengan kelulusan bertulis dari Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.
- 11.3 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan.

SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM KOMPUTER MEJA (DESKTOP)

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Pemrosesan	Intel Core i5, 1.5 GHz atau AMD Phenom II
2	Random Access Memory (RAM)	4GB
3	Kapasiti Cakera (Hard Disk)	500GB
4	Optical Drive	SuperMulti DVD burner (DVDR/W)
5	Kad Grafik (Grafic Card)	Integrated
6	Kad Rangkaian (Network Card)	10/100/1000Mbps (Ethernet)
7	Port USB	USB 2.0 (4 port atau lebih)
8	Papan Kekunci dan Tertikus	Papan Kekunci dan Tertikus PS/2 atau USB
9	Pengoperasian (OS)	Windows 7 dan Microsoft atau setara
10	Monitor	LED Monitor (18")
11	Jaminan	1 tahun (Hardware dan Software)

SPESIFIKASI TEKNIKAL MINIMUM KOMPUTER RIBA (LAPTOP)

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Pemprosesan	1.5 GHz , Intel Core i5 atau AMD
3	Random Access Memory (RAM)	2 GB DDR3
4	Kapasiti Cakera (Hard Disk)	500 GB
5	Optical Drive	SuperMulti DVD burner (DVDR/W)
6	Kad Grafik (Grafic Card)	Integrated Graphics
7	Modem	Standard Modem
8	Network Interface	Integrated 10/100/1000 LAN/WiFi/Ethernet
9	Wireless Technologies	802.11/B/G/N
10	Wireless Capability	Bluetooth V4.0
11	IO Interface	4 USB Port 2.0, 1 VGA Port, Stereo, Microphone in Jack, Headphone/Line-Out Jack, HDMI, RJ-11, RJ45 dan Webcam
12	Papan Kekunci (Keyboard)	Full Size Keyboard
13	Bateri	Up to 8 hours
14	Pengoperasian (OS)	Windows 7 dan Microsoft atau setara
15	Monitor	14"
16	Jaminan	1 Tahun

SPESIFIKASI MINIMUM BAGI PENCETAK WARNA

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Kelajuan	Hitam Putih : 16 keping per minit Warna : 4 keping per minit
3	Kualiti Cetakan	Up to 600 x 600 dpi
4	Teknologi Digunakan	Deskjet / Bubblejet / Inkjet
5	Bekas Input (Paper Tray)	1 atau lebih
6	Bil Kertas Dalam Tray	100 keping atau lebih
7	Jaminan	1 Tahun

SPESIFIKASI MINIMUM BAGI PENCETAK HITAM/PUTIH

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Kelajuan	18 keping per minit (A4) atau lebih
3	Kualiti Cetakan	600 x 600 x 2 dpi
4	Teknologi Digunakan	Laser
5	Bekas Input (Paper Tray)	1 atau lebih
6	Bil Kertas Dalam Tray	150 keping atau lebih
7	Jaminan	1 Tahun

SPESIFIKASI MINIMUM BAGI PENCETAK WARNA (ALL IN ONE)

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM (MANDATORI)
1	Tahun Pengeluaran	Terkini
2	Teknologi Digunakan	Deskjet / Bubblejet / Inkjet
3	Fungsi	i. Cetakan Hitam/Putih/Warna ii. Pengimas iii. Fotostat – Hitam/Putih/Warna
4	Kelajuan Cetakan	i. Cetakan Hitam/Putih : 29 ppm ii. Cetakan Warna : 23 ppm
5	Resolusi Cetakan	4800 x 1200 dpi
6	Jaminan	1 Tahun
PENGIMAS		
7	Jenis	Flatbed
8	Resolusi	1200 x 1200 dpi
FOTOSTAT		
9	Kelajuan	29 cpm
10	Resolusi	600 x 600